



## Turbin angin dipasang di Pulau Semakau bagi hasilkan tenaga elektrik

20/10/2017 21:43 Update: 20/10/2017 21:44



SINGAPURA: Sebuah turbin angin setinggi 38 meter dipasang di Pulau Semakau untuk menghasilkan tenaga elektrik.

Turbin ini boleh menghasilkan tenaga elektrik yang cukup bagi kegunaan 45 flat HDB 4 bilik setahun.

Ia juga direka untuk menjana kuasa elektrik walaupun angin tidak bertiup kencang dan mudah disenggara.

Projek Universiti Teknologi Nanyang itu bertujuan menyokong pembangunan mikrogrid di Asia Tenggara memandangkan teknologi itu menjadi semakin popular.

Mereka yang terlibat dalam projek itu berkata wadah itu membantu mereka memahami dengan lebih baik cabaran menyatupadukan pelbagai sumber daya tenaga.